

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 4 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 39

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia khususnya di luar bandar bagi memaksimumkan penggunaan kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan kereta api ataupun komuter berbanding menggunakan kenderaan sendiri.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan akan memperkenalkan inisiatif terbaru dengan pelaksanaan diskaun kadar tambang sebanyak 20% bagi perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada 1 April 2019. Ini adalah untuk memastikan faedah dan kemudahan yang sama turut diperolehi oleh warganegara Malaysia yang menggunakan perkhidmatan KTMB (komuter di sektor Lembah Klang, Utara dan Selatan).
2. Kos pengangkutan merupakan faktor ketiga tertinggi yang menyumbang kepada kos sara hidup. Pelaksanaan diskaun tambang ini akan membolehkan pengguna terutamanya golongan B40 mengurangkan jumlah perbelanjaan bulanan untuk tambang pengangkutan awam dan lebihan wang yang berupaya dijimatkan boleh digunakan untuk menampung kos sara hidup yang lain.
3. Pemberian diskaun tersebut merangkumi semua jenis kadar tambang secara tunai mahupun cashless dan dijangka akan memanfaatkan kira-kira 94,000 penumpang komuter di 5 jajaran iaitu Padang Rengas – Butterworth, Butterworth – Padang Besar, Port Klang – Tanjung Malim, Seremban – Batu Caves dan Sungai Gadut – Tampin.
4. Pelaksanaan diskaun kadar tambang ini diyakini akan dapat meningkatkan jumlah penumpang komuter antara 120,000 ke 130,000 pengguna sehari.
5. Kementerian juga sedang menjalankan kerja-kerja pembaikan landasan keretapi di Pantai Timur iaitu dari Gemas ke Mentakab, Jerantut ke Gua Musang dan Gua Musang ke Tumpat. Sementara itu, projek landasan berkembar elektrik dari Gemas ke Johor Bahru pula dijangka siap pada Oktober 2021.

Sekian, terima kasih.